

22/02/2001

Kempen celik ICT peringkat negeri

KUALA LUMPUR, Rabu - Perhimpunan Literasi Teknologi Komunikasi dan Maklumat (ICT) K-ekonomi bagi melatih dan mendedahkan pekerja tempatan dan lepasan sekolah kepada bidang multimedia dan Internet akan diperluaskan ke peringkat negeri.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr Fong Chan Onn berkata, kejayaan perhimpunan di Stadium Bukit Jalil Sabtu lalu dengan penyertaan kira-kira 1,000 orang menjadi pendorong kepada Kementerian untuk memperluaskannya.

Serentak itu, Kementerian berkenaan akan mengadakan kempen bagi menggalakkan lebih ramai pekerja tempatan dan pelajar lepas sekolah mengikuti perhimpunan itu supaya mampu menguasai ICT dalam sektor pekerjaan mereka.

"Saya bangga kerana perhimpunan kali pertama ini berjalan lancar dan berjaya menarik sejumlah besar pekerja tempatan serta lepasan sekolah," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Kementerian itu di pejabatnya, di sini hari ini.

Perhimpunan pertama Literasi ICT K-ekonomi di Stadium Bukit Jalil itu dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan itu, Dr Fong berkata Kementerian akan memperluaskan perhimpunan yang sama di Institut Latihan Perindustrian (ILP) Melaka; ILP Ipoh, Perak dan ILP Jitra, Kedah, pada 1 Mac ini.

Perhimpunan Peringkat Kedua pula akan diadakan di ILP Pasir Gudang, Johor dan ILP Kuantan, Pahang, ILP Kuala Terengganu, Terengganu; ILP Kota Bharu, Kelantan, pada 14 Mac.

Perhimpunan peringkat ketiga di ILP Kuala Lumpur; Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (Ciast) dan Institut Teknikal Jepun Malaysia (JMTI), pada 31 Mac.

Perhimpunan peringkat keempat pula diadakan di ILP Kota Kinabalu, Sabah; ILP Labuan, Wilayah Persekutuan Labuan dan ILP Kota Samarahan, Kuching, pada 15 April.

Terdahulu, Fong menerima sijil daripada The Malaysia Book of Records kerana kejayaan Kementerian itu menganjurkan tutorial komputer terbesar di negara ini.

Dalam perkembangan lain, Dr Fong berkata Kementerian itu menerima 29 permohonan daripada profesional tempatan yang kini bertugas di luar negara dalam pelbagai kemahiran untuk berkhidmat di tanah air.

Katanya, ketika ini, Kementerian dalam proses menyelesaikan pelbagai perkara termasuk menempatkan mereka di syarikat yang memerlukan mereka.

(END)